



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK



KENYATAAN RASMI BIL. 10/2019

TULISAN JAWI DAN KHAT MEMPERKUKUH PERPADUAN MASYARAKAT MALAYSIA

1. Sejarah mencatatkan perkembangan tulisan jawi sinonim dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu sekaligus menjadi lambang dan simbol yang mewakili bahasa dan entiti bangsa Melayu sebagai bangsa peribumi. Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan.
2. Saya sangat bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk mewujudkan penambahan unit baru dalam subjek Bahasa Melayu (BM) dengan menerapkan tulisan jawi dan khat sebagai sebahagian daripada silibus subjek tersebut. Cadangan ini adalah seiring dengan titah Sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang menyarankan supaya mempertahankan tulisan jawi sebagai warisan bangsa. Baginda bertitah demikian pada majlis perasmian Anugerah Bisnes Utusan (UBA) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.
3. Saya ingin menukilkan pandangan Syed M. Naquib al-Attas yang menyebut catatan pertama pada Batu Bersurat Terengganu bertarikh 702 H / 1303 M menggunakan tulisan jawi berbahasa Melayu. Sejarah membuktikan bahawa pegawai-pegawai dan pembesar British apabila berhubung dengan Raja-Raja dan pembesar Melayu, mereka menulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Adalah tidak benar tuduhan yang mengatakan bahawa dengan mempelajari jawi pelajar-pelajar dituduh memeluk Islam. Malah tulisan jawi dan bahasa Melayu telah dipelajari oleh pelbagai bangsa di Malaysia dan semangat perpaduan antara kaum dapat dizahirkan dengan nyata.
4. Cadangan penerapan tulisan jawi dan khat dalam subjek bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang asing dalam sesebuah negara. Kerajaan Turki sekarang ini telah memperkenalkan semula bahasa mereka menggunakan tulisan asalnya bagi memelihara sejarah dan warisan mereka kepada rakyat terutamanya generasi muda. Begitu juga, Korea Jepun dan China menetapkan setiap rakyat yang ingin memasuki universiti mesti lulus bahasa mereka dengan tulisan mereka sendiri.
5. Maka dengan ini saya ingin menekankan bahawa bahasa Melayu dan tulisan jawi termasuk khat adalah seperti aur dengan tebing tidak boleh dipisahkan berdasarkan sejarah Tanah Melayu. Menggalakkan pengenalan dan penggunaan tulisan jawi dan khat adalah sesuatu yang harus disokong oleh semua pihak. Sesungguhnya kekuatan sesebuah tamadun adalah dengan menghayati sejarah zaman silam.

A handwritten signature in black ink, appearing to be the name Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria.

**Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan**

5 Zulhijjah 1440 H (Selasa)
6 Ogos 2019 M